

Media item

Full Text

Inisiatif Kendaraan Autonomi NanoMalaysia MOSTI lancar NAVi.NAVI-D

Utusan Malaysia, Malaysia by Oleh Shafiqah Shukor

01 Dec 2021

Ekonomi - Page 0 - 327 words - ID my0046205191 - Photo: No - Type: -

Size: 426.00cm²

MOSTI lancar NAVi. Oleh SHAFIQAH SHUKOR

shafiqah.shukor@mediamulia.com.my Inisiatif Kendaraan Autonomi NanoMalaysia PETALING JAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi . (MOSTI) telah melancarkan Inisiatif Kendaraan Autonomi NanoMalaysia (NAVi) dan merasmikan demonstrasi Robot Penghantaran Berautonomi NanoMalaysia (NAVi-D). Membangunkan Kendaraan Autonomi Tahap 4 atau kenderaan tanpa pemandu di Malaysia merupakan inisiatif di bawah MOSTI melalui agensinya, NanoMalaysia Berhad (NMB) sebagai persediaan membangunkan teknologi berkaitan dengan Revolusi Perindustrian (IR) 4.0.NAVi akan menumpukan pada sektor pengangkutan , manakala NAVi-D akan dilengkapi dengan sistem yang memenuhi keperluan sektor penghantaran jarak akhir. NAVi-D hpula merupakan evolusi daripada NAVi yang memberi tumpuan kepada penghantaran bungkusan dan produk makanan.Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, NAVi dicipta sebagai persediaan untuk sektor pengangkutan dan automotif Malaysia memasuki era sistem autonomi."Selain menyokong inovasi penerimgunaan 4IR, ia juga bertujuan untuk menangani ADHAM Baba diberi penerangan mengenai Inisiatif Kendaraan Autonomi NanoMalaysia dan Robot Penghantaran Berautonomi NanoMalaysia selepas pelancarannya di Bukit Jalil. semalam. kadar dan punca kemalangan dalam negara yang semakin meningkat berdasarkan Laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. "Kenderaan yang mencapai autonomi tahap empat itu mampu bertindak balas dengan cekap dalam menangani gangguan tumpuan dan refleks pemandu yang terhad," katanya pada majlis pelancaran Inisiatif Kendaraan Autonomi NanoMalaysia (NAVi), semalam.Mengulas lanjut, Adham berkata, MOSTI juga akan memanfaatkan portal yang disediakan melalui National Technology and Innovation Sandbox untuk menganjurkan projek pemula sebagai usaha untuk meningkatkan standard keselamatan jalan raya dengan menjalankan beberapa siri pengujian tertumpu kepada kawasan dan ruang selamat. Jelasnya, pandemik Covid-19 telah menggesa dunia untuk melangkah ke era pendigitalan.Dari situ, timbul permintaan yang tinggi untuk mengurangkan sentuhan dalam berinteraksi. Perkembangan itu adalah selaras dengan inisiatif High Tech, Low Touch yang diterajui MOSTI. Beliau memberitahu, perbezaan teknologi NAVi-D dengan sistem penghantaran makanan yang sedia ada di luar ialah, NAVi-D boleh diprogram untuk membuat penghantaran makanan daripada kedai makan sehingga ke pengguna."Saiz NAVi-D juga boleh diubah bergantung kepada keperluan end-user. Sebagai contoh, jika saiz kenderaan yang lebih besar diperlukan, teknologi NAVi-D ini boleh disesuaikan dengan permintaan spesifik pengguna," katanya.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.

Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.

